



28 Februari 2018
28 February 2018
P.U. (A) 60

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN) (BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2018

ROAD TRANSPORT (PROHIBITION OF USE OF ROAD) (CITY OF KUALA LUMPUR) (NO. 2) ORDER 2018

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)
(BANDARAYA KUALA LUMPUR) (NO. 2) 2018

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 82/2018 yang disiarkan pada 13 Februari 2018, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Datuk Bandar Kuala Lumpur, selepas berunding dengan Ketua Pengarah bagi Pengangkutan Jalan dan setelah memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Bandaraya Kuala Lumpur) (No. 2) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2018.

Larangan

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

JADUAL PERTAMA

(1)	(2)	(3)
<i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	<i>Jalan Arah</i>	<i>Tempoh Larangan</i>
Sebahagian Jalan Barat bermula dari persimpangannya dengan jalan susur ke Jalan Tun Razak sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Jalan Barat ke Jalan Tun Razak hendaklah menggunakan jalan alternatif sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	1 Mac 2018 hingga 28 Januari 2019